

SOALAN LAZIM

No	Soalan	Jawapan												
1	Apakah Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC)?	Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC) merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh sesetengah pedagang di luar negara atau mesin ATM yang menawarkan pilihan untuk membayar atau mengeluarkan wang tunai dalam RM untuk pembelian luar negara (termasuk transaksi dalam talian).												
2	Apa yang berlaku jika saya memilih transaksi melalui DCC?	<p>Apabila anda memberi kebenaran kepada pedagang untuk membuat transaksi melalui DCC, pedagang akan menukar jumlah pembelian di terminal pedagang dengan serta merta (semasa pembelian). Pembelian ini akan ditransaksikan dalam RM dan akan didebitkan terus dari kad kredit/akaun simpanan/akaun simpanan-i/akaun semasa/akaun semasa-i anda</p> <p>Resit akan memaparkan jumlah dalam RM yang ditukar dan kadar penukaran asing yang dikenakan oleh pedagang.</p> <p>Sila beri perhatian terhadap kadar penukaran yang digunakan oleh pedagang yang biasanya lebih tinggi daripada kadar penukaran yang ditentukan oleh VISA/Mastercard apabila anda memilih untuk membayar dalam mata wang asing.</p>												
3	Bolehkah saya memilih untuk tidak melakukan transaksi melalui DCC?	Boleh. Perkhidmatan DCC ini adalah pilihan yang disediakan oleh sesetengah pedagang di luar negara dan ianya tidak wajib. Namun begitu, sesetengah pedagang mungkin telah memilih DCC secara automatik untuk melaksanakan transaksi. Jika anda tidak ingin meneruskan transaksi, anda boleh membatalkan transaksi yang dilakukan dan menggunakan mata wang negara yang dilawati tanpa DCC.												
4	Bagaimana pengiraan fi DCC dibuat?	<p>Fi DCC dikira berdasarkan 1% dari jumlah transaksi dalam RM.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pemegang kad telah pergi ke Singapura dan memutuskan untuk membeli sepasang kasut bernilai SGD1,000 di Happy Shoes Outlet, Singapura. Sebagai kemudahan, pemegang kad telah memilih perkhidmatan DCC dan bayaran dibuat menggunakan kad kredit. Pedagang meneruskan transaksi DCC dan mengenakan kadar pertukaran (termasuk caj tambahan) SGD1 = RM3.05. Jumlah transaksi terakhir yang akan dikenakan kepada kad pemegang kad adalah RM3,050.00.</p> <p>Fi DCC adalah 1% dari RM3,050.00, iaitu sebanyak RM30.50.</p>												
5	Bila saya akan dikenakan fi DCC?	<p>Fi DCC 1% akan ditunjukkan dalam penyata bulanan pada bulan berikutnya.</p> <p>Merujuk kepada contoh di atas (item 4), transaksi dan fi akan ditunjukkan di dalam penyata bulanan kad kredit pada bulan berikutnya seperti di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Tarikh Transaksi</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Tarikh Proses</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Huraian Transaksi</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Jumlah Tempatan(RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 2px;">20 SEP</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">21 SEP</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Happy Shoes Outlet Singapura SIN</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">3.050.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 2px;">20 SEP</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">20 SEP</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Fi DCC 1%</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">30.50</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)	20 SEP	21 SEP	Happy Shoes Outlet Singapura SIN	3.050.00	20 SEP	20 SEP	Fi DCC 1%	30.50
Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)											
20 SEP	21 SEP	Happy Shoes Outlet Singapura SIN	3.050.00											
20 SEP	20 SEP	Fi DCC 1%	30.50											